AKHBAR : BERITA HARIAN

HARI : SABTU

TARIKH : 8 FEBRUARI 2014



# Bahana barah kelenjar

BH 8/2/2014, 2, 3

"DUA MINGGU SELEPAS MENJALANI KEMOTERAPI, DOKTOR YANG MULANYA MENGESAN SAYA MENGHIDAP KANSER TAHAP DUA, MENGESAHKAN KANSER ITU DI TAHAP EMPAT KERANA SEL KANSER SUDAH MEREBAK KE PARU-PARU"

***Adibah Hassan Noorhadi,***
*Pesakit kanser kelenjar*

## » Adibah 'berperang' sehingga **ditinggalkan orang disayang**

**Oleh Nurul Hazren Masitom**
nurulh@bh.com.my

Tiga tahun lalu ketika berusia 22 tahun, Adibah Hassan Noorhadi, menerima dua berita - gembira dan sedih.

Ketika dimaklumkan berjaya mendapat Anugerah Dekan dalam peperiksaan semester akhir Ijazah Sarjana Muda Sains Pengajian Sumber Manusia di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, dia tidak berhenti memanjatkan kesyukuran selepas menghadapi peperiksaan tahun akhir dengan penuh kepayahan.

Kepayahan disebabkan masalah peribadi dan keadaan kesihatan, tetapi mujurlah itu semua tidak menghalangnya mencatat keputusan cemerlang.

Masalah kesihatan serius yang dihadapinya ketika berdepan peperiksaan akhir benar-benar menguji ketabahannya. Bagaikan bom jangka yang menunggu masa untuk meletup, Adibah disahkan menghidap kanser kelenjar atau nama saintifiknya, Hodgkin's lymphoma.

Berita itu menjadikannya tergamam. Apa tidaknya, pada sebelah pagi, dia menerima berita gembira iaitu mendapat keputusan peperiksaan cemerlang, tetapi berita dirinya menghidap kanser seolah-olah seperti banduan sedang menunggu hukuman mati.

### Batuk berterusan

Mengimbas kembali rentetan bermulanya episod duka hidupnya itu Adibah menceritakan:

"Sepanjang semester akhir pengajian, saya mengalami batuk berterusan selama lima bulan dan semakin teruk ketika saya menghadapi peperiksaan akhir.

"Saya kerap pergi ke pusat kesihatan UPM untuk mengambil oksigen sebab sukar bernafas akibat batuk teruk. Sampai satu saat saya terpaksa memanggil ambulans kerana tidak larat pergi sendiri.

"Disebabkan masalah batuk itu juga, doktor mengambil darah saya untuk diuji setiap tiga hari, selain diberi antibiotik, namun malangnya batuk tidak juga surut," katanya.

Adibah berkata, selain batuk, beliau menyedari ada benjolan sebesar telur pada bahagian dada dan sakit kepalanya seolah-olah ada urat yang menarik leher dan kepalanya bersama macam.

Katanya, beliau juga kerap demam pada setiap petang.

"Akibat selalu diambil darah, selain doktor di pusat perubatan itu seperti berputus asa mengesan penyakit saya, saya kemudian dirujuk ke Institut Perubatan Respiratori (IPR) di Jalan Pahang pada Mei 2011 dan di situ bermulalah episod getir saya," katanya yang menerima kedua-dua berita itu di IPR ketika menunggu keputusan imbasan tomografi berkomputer (CT) pada bahagian dadanya.

### Resah seorang ibu

Sebelum itu, katanya, dua kali ujian sinar-X yang dijalaninya tidak menunjukkan sebarang masalah luar biasa pada tubuhnya.

Adibah atau panggilan manjanya Diba berkata, dia tidak terfikir akan menerima berita buruk kerana sibuk ingin pulang ke rumah ibu bapanya di Perak ketika itu bagi meraikan keputusan cemerlangnya.

Dia memaklumkan berita itu dengan tenang kepada ibunya, Norihan Mat Zin (kini arwah), yang menyebabkan ibunya gundah kerana usia Adibah masih muda tetapi sudah mendapat dugaan hebat.

"Doktor yang memaklumkan keputusan imbasan CT mengarahkan saya ditahan di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan segera kerana keadaan saya kritikal disebabkan mereka menemui benjolan sepanjang 12 sentimeter pada kelenjar dada kanan saya.

"Kalau tidak dirawat segera, ia boleh mengancam nyawa, tetapi doktor belum mengesahkan sama ada ketulan itu kanser kerana saya perlu menjalani biopsi," katanya.

BH 8 FEBRUARI 2014 ⊙ SABTU MOTIVASI SIHAT 3

# Hospital jadi rumah utama

**Adibah** berkata, dia kemudian menjalani ujian biopsi di Hospital Kuala Lumpur (HKL) dan disahkan menghidap kanser kelenjar.

Sebaik disahkan menghidap kanser, Adibah perlu menjalani sesi kaunseling. Dia diberi dua pilihan, menjalani pembedahan membuang kelenjar atau kemoterapi.

Mungkin memahami dirinya keliru dan buntu untuk membuat pilihan, doktor mencadangkan rawatan kedua iaitu kemoterapi. Jika kemoterapi tidak berkesan, radioterapi menyusul.

"Saya dikehendaki menjalani enam pusingan rawatan

atau 12 kali kemoterapi. Dua pusingan pertama, adalah rawatan kemoterapi paling kuat dalam tempoh dua bulan, selebihnya adalah kemoterapi ringan," katanya.

Beliau berkata, dua minggu selepas menjalani kemoterapi, doktor yang mulanya mengesan dia menghidap kanser tahap dua, mengesahkan kanser itu di tahap empat kerana sel kanser sudah merebak ke paru-paru.

"Sepanjang rawatan, hospital menjadi rumah utama saya. Saya dikuarantin di hospital selama dua bulan menjalani kemoterapi kuat. Saya uruskan diri sendiri kerana enggan susahkan sesiapa, walaupun ibu ada menjaga saya, namun saya tidak sampai hati menyusahkannya," katanya.

**Rawatan kemoterapi**

Adibah berkata, walaupun dua sesi kemoterapi kuat, dia tidak menghadapi masalah selera makan, malah semakin bertambah.

"Saya hanya tidak dapat mengelak rambut gugur dan kulit muka yang dulu licin, berjerawat sehingga sekarang, selain berat badan turun mendadak," katanya.

Dia berjaya menghabiskan sesi kemoterapi selama enam bulan sehingga hujung 2011 dan sempat menghadiri upacara graduasi ketika masih dalam rawatan.

"Banyak perkara berlaku sepanjang saya menjalani rawatan iaitu ibu saya kembali ke rahmatullah seminggu sebelum umat Islam menyambut hari raya, selain hubungan saya dengan teman lelaki juga terputus.

"Namun, beliau sempat menjaga saya selama sebulan ketika saya disahkan menghidap kanser dan paling manis, saya menghadiri majlis konvokesyen pada Oktober 2011 walaupun masih menjalani rawatan," katanya.

# Jaga diri sendiri lebih penting

**Adibah** bersyukur, ketika pemeriksaan perubatan rutin selepas tamat menjalani enam pusingan kemoterapi pada Februari 2012, imbasan CT menunjukkan saiz ketulan kanser mengecut daripada 12 sentimeter kepada satu sentimeter, manakala imbasan PET (Positron emission tomography) menunjukkan sel kanser sudah tidak aktif.

"Jadi, saya tidak perlu menjalani rawatan radioterapi kerana sel kanser tidak aktif lagi," katanya yang sangat bersyukur dengan kebesaran Allah memanjangkan usianya selepas tiga tahun menerima berita buruk itu.

Dia mengakui sepanjang rawatan, dirinya amat menginsafi apa yang berlaku kepadanya dan menganggap ia rahmat Allah kepadanya dan bukan ujian.

"Ada sebab Allah mahu menguji dan saya reda. Tidak mengapa, saya susah sedikit sepanjang enam bulan menjalani rawatan tetapi selepas itu saya mampu meneruskan kehidupan," katanya.

**Ulang alik sendiri jalani terapi**

Menurutnya, disebabkan sikapnya yang enggan menyusahkan sesiapa, dia sanggup berulang alik menjalani kemoterapi dengan memandu sendirian sehingga menyediakan plastik dalam kereta kerana bimbang muntah.

Dia sedar tindakannya itu membahayakan hanya selepas bekerja di Pusat Sumber dan Pendidikan Kanser (CARE) UPM.

"CARE banyak membantu saya pulih dan berurusan dengan pesakit kanser lain kerana tanpa sokongan rakan dan bekas Pengarahnya, Prof Dr Maznah Muhamad, saya mungkin tidak tahu banyak mengenai penyakit saya dan rakan senasib saya," katanya.

**Mahu jadi pegawai tadbir**

Anak ketiga daripada enam beradik itu kini sedang menunggu panggilan menjadi seorang Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) selepas lulus semua ujian.

"Memang impian saya sejak kecil memilih kerjaya PTD, selain dorongan bapa, Hassan Noorhadi Awang, 57, yang mahu seorang daripada anaknya menjadi pegawai kerajaan," katanya.

Seorang yang aktif bersukan dan tidak tahu duduk diam tanpa melakukan sesuatu, Adibah kini menghabiskan masa dengan melancong di dalam dan luar negara bersama keluarga, selain melakukan kerja kebajikan bersama CARE.

Mengenai teman istimewa, sambil tersenyum, Adibah berkata, dia bimbang dirinya tidak dapat memberi komitmen, selain teman lelaki mungkin tidak dapat memahami emosinya sebagai bekas pesakit kanser.

"Banyak perkara saya perlu jaga selepas sakit, termasuk pemakanan. Saya perlu elak makan daging, sayuran perlu dimasak betul, saya perlu memakai topeng jika keluar rumah dan mengelak berada di tempat sesak kerana tidak mahu jatuh sakit.

"Saya juga mengambil makanan tambahan untuk meningkatkan antibodi," katanya yang mengakui gembira dengan kehidupan dijalaninya sekarang.

Adibah berkata, selepas lima tahun, dia berharap akan mendapat surat pengesahan bebas kanser daripada doktor.




## FAKTA KANSER KELENJAR (HODGKIN LIMFOMA)

**Hodgkin** limfoma atau penyakit Hodgkin, adalah sejenis kanser yang berasal daripada sel darah putih yang dikenali sebagai limfosit. Ia dinamakan sempena Thomas Hodgkin, yang mula menjelaskan keadaan tidak normal sistem limfa pada 1832.

Kanser jenis itu boleh dirawat dengan terapi radiasi, kemoterapi, atau pemindahan sel tunjang hematopoietik (tulang sumsum) dengan pilihan rawatan bergantung kepada umur dan jantina pesakit selain peringkat serta histologi penyakit. Penyakit itu berlaku dalam dua puncak umur iaitu dewasa muda antara 15 hingga 35 tahun dan mereka yang melebihi 55 tahun.

Oleh kerana kebanyakan pesakit di diagnos ketika masih muda, mereka boleh hidup sehingga 40 tahun atau lebih selepas rawatan. Bagaimanapun, beberapa kajian mengikuti perkembangan pesakit sehingga 25 tahun dan kajian terbabit adalah rawatan lama dengan kesan berbalik yang mengancam nyawa.

Data berhubung kesan jangka panjang rejimen rawatan baru yang kurang toksik dan mengehadkan pendedahan radiasi bagaimanapun tidak mencukupi. Rawatan radiasi dan sesetengah ubat kemoterapi memberi risiko menyebabkan kanser sekunder membawa maut, penyakit jantung dan paru-paru, 40 tahun atau lebih kemudian. Rawatan moden kini dapat meminimumkan kesan terlewat itu.



AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

HARI : ISNIN

TARIKH : 10 FEBRUARI 2014

# Persatuan Orang Kota Bharu bela nasib pesakit kanser

U 10/2/2014 p. 14

SHEIKH Ahmad Dusuki Sheikh Mohamad (tengah) menyampaikan sumbangan kepada seorang pesakit, Nafisah Ab. Razak sambil diperhatikan Ab. Halim Ahmad (kanan) dan Mat Nor Nawi (dua dari kiri) di Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu, Kelantan, semalam.

KOTA BHARU 9 Feb. - Persatuan Orang Kota Bharu (POKB) akan membantu penghidap kanser terutama yang berada pada tahap kritikal untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap pasangan masing-masing yang mengabaikan golongan tersebut.

Pengerusinya, Datuk Sheikh Ahmad Dusuki Sheikh Mohamad berkata, keputusan dibuat bagi membantu penghidap yang tidak mendapat perhatian daripada pasangannya sehingga menyebabkan keadaan mereka semakin serius.

Beliau berkata, tindakan undang-undang tersebut akan dikenakan kepada suami mahupun isteri yang sengaja mengabai pasangan mereka tanpa sebab yang munasabah.

"Kita akan melantik peguam untuk membantu mereka yang terabai supaya penghidap kanser mendapat hak yang sepatutnya daripada pasangan masing-masing.

"Selain itu, kita juga akan bekerjasama dengan Pusat Sumber Kanser dan Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk mengendalikan kes trauma serta kaunseling kepada pesakit-pesakit kanser," katanya

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan sumbangan kepada pesakit-pesakit kanser di Wad 26, Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II), di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengerusi Penasihat Tabung Kaseh Kanser OKB-HRPZ II, Datuk Ab. Halim Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan, Datuk Mat Nor Nawi dan Timbalan Pengarah Perubatan HRPZ II, Dr. Selasawati Ghazali.

Dalam pada itu, Sheikh Ahmad Dusuki berkata, pihaknya menyasarkan kutipan Tabung Kaseh Kanser OKB HRPZ dapat mencapai sehingga RM1 juta sehingga hujung tahun ini.